

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
(LEMBAH PANTAI)**

**TARIKH : 12 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6869**

**SOALAN:**

Puan Nurul Izzah binti Anwar (Lembah Pantai) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sekiranya kerajaan bercadang untuk menukarkan Program Pusat Pemulihan Narkotik Agensi Antidadah Kebangsaan kepada program Klinik Cure & Care, memandangkan kejayaan klinik-klinik ini dalam memulihkan penagih dadah melalui program terapi Methadone Maintainance. Nyatakan juga garis masa rancangan penukaran tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

**Sejak bulan Julai 2010, sebanyak 12 Pusat Pemulihan AADK telah ditukar kepada Klinik Cure & Care 1Malaysia (Klinik C&C). Klinik-klinik tersebut menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan mengikut keperluan dan keparahan seseorang penagih dadah termasuk program rawatan menggunakan *methadone*. Program rawatan menggunakan *Methadone* juga merupakan salah satu perkhidmatan yang disediakan di fasiliti-fasiliti AADK bagi penagih dadah yang menggunakan dadah jenis opiat.**

**Pada masa ini, AADK tidak merancang untuk menambah bilangan Klinik C&C 1Malaysia kerana 12 klinik yang sedia ada sudah mampu untuk menampung kemasukan penagih dadah yang mendapatkan perkhidmatan rawatan dan pemulihan secara sukarela. Penagih juga boleh mendapatkan perkhidmatan rawatan dan pemulihan di 62 buah *Cure & Care Service Centre (CCSC)* di seluruh negara.**

**Program *Methadone* merupakan program pengurangan kemudaran (*Harm Reduction*) di bawah seliaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Setakat ini, AADK telah melaksanakan program ini di 11 Klinik C&C, 35 CCSC, tujuh (7) *Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC)*, dan lima (5) Pejabat AADK Daerah. Bagi kawasan-kawasan yang tidak mempunyai program *Methadone*, penagih dadah akan dirujuk ke klinik kesihatan atau hospital.**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **LISAN**

**DARIPADA :** **YB. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD  
IMRAN BIN ABD HAMID (B)**

**KAWASAN :** **LUMUT**

**TARIKH :** **12 JUN 2014, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID (B) (LUMUT)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian bersama Majlis Keselamatan Negara, Majlis Keselamatan Negara dan Majlis Keselamatan Daerah mengkaji dan mengambil inisiatif mengatasi kekerapan berlakunya kemalangan dan kemalangan maut sepanjang jalan dari Kg. Kayan Lekir hingga ke Batu 6 Lekir di dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri Pasir Panjang dan Parlimen Lumut. Lebih membimbangkan lagi apabila projek pembesaran Jalan Teluk Intan-Sitiawan/Manjung akan dilaksanakan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Persekutuan 5 (FT05) di Kg. Lekir, Setiawan telah termasuk dalam skop projek membina Lebuh Raya Pantai Barat dari Taiping ke Banting, iaitu melibatkan skop menaik taraf laluan FT05 sedia ada dari Telok Intan Ke Kg. Lekir sepanjang 31.5km.

Projek menaik taraf Jalan Telok Intan Ke Kg. Lekir itu akan dilaksanakan secara konvensional oleh JKR dengan anggaran kos projek sebanyak RM570 juta. Projek ini dijangka akan dimulakan pada awal tahun 2015 dan siap dalam tempoh 36 bulan. Sehubungan itu, projek ini dijangka akan memberikan keselesaan pemanduan dan dapat meningkatkan tahap keselamatan pengguna apabila ia disiapkan kelak.

Untuk tempoh jangka pendek pula, kementerian ini akan terus memantau dan melaksanakan audit keselamatan di sepanjang laluan berkenaan. Sebagai contoh, pada tahun 2013 yang lalu kerja-kerja turapan ‘pavement’ dan penyelenggaraan rutin seperti menampal ‘potholes’ dan menaik taraf bahu jalan telah dilaksanakan di laluan tersebut. Program ini akan diteruskan dari semasa ke semasa untuk keselesaan pengguna.

Sekian. Terima kasih.